

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2011**

**02/1**

**TINGKATAN TIGA**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Julai**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. **Jawab semua** soalan.
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

*Disebarkan oleh*  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Diibuat oleh*  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

*Dengan Kerjasama*  
MPSM Negeri Terengganu

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611 6652 8611 Faks: 609 666 0611 0063

---

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

**|Lihat halaman sebelah**

**Soalan 1 - 7**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Abang suka memakai songkok \_\_\_\_\_ ke kanan.  
A miring  
B leweh  
C serong  
D belok
  
- 2 Firdaus akan belajar bersungguh-sungguh bagi menunaikan \_\_\_\_\_ arwah orang tuanya.  
A janji  
B ikrar  
C amanat  
D amanah
  
- 3 Rozita menyapu bedak yang \_\_\_\_\_ pada wajahnya untuk kelihatan lebih berseri.  
A seiras  
B sekata  
C sepadan  
D sedondon
  
- 4 Pokok paku-pakis tumbuh \_\_\_\_\_ di tepi jalan masuk ke Kampung Paya.  
A merata  
B meliar  
C meluas  
D menjalar

- 5 Pihak sekolah telah \_\_\_\_\_ buku-buku teks yang tidak lagi digunakan oleh murid.
- A membaik pulih  
 B mengemas kini  
 C mengawal selia  
 D menghapus kira
- 6 Masih ramai murid yang tidak cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu \_\_\_\_\_ soalnya bukanlah susah sangat.
- A kerana  
 B padahal  
 C tetapi  
 D apabila
- 7 Di pameran setem itu, pengunjung dapat \_\_\_\_\_ mata melihat koleksi setem dari seluruh pelusok dunia.
- A menjamu  
 B mencolok  
 C membuka  
 D mencelik

#### Soalan 8 - 14

*Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.*

- 8 Aktiviti bersenam dan pengambilan makanan yang berkhasiat dapat melancarkan pengedaran darah di dalam badan seseorang. Tiada Kesalahan.
- A B  
 C D
- 9 Amirul Aiman berjaya di dalam pelajaran oleh sikapnya yang gigih belajar dan suka bertanya kepada guru tentang apa-apa yang tidak difahaminya. Tiada Kesalahan.
- A B  
 C D
- 10 Baginda telah mengurniakan pingat kebesaran kepada pegawai tadbir negeri sempena hari keputeraan yang ke-56. Tiada Kesalahan.
- A B  
 C D

- 11 Kempen memperkasakan bahasa Melayu sering diuar-uarkan dalam usaha meningkatkan martabatnya dalam kalangan masyarakat. Tiada Kesalahan.  
 A B  
 C D
- 12 Hukuman telah dijatuhkan oleh hakim berasaskan kepada keterangan yang diberikan oleh saksi pihak pendakwa. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 13 Sudah berbelas tahun Anisah berhijrah ke Kuala Lumpur setelah berselisih faham dengan kakaknya. Tiada kesalahan.  
 A B C  
 D
- 14 Anak Dato' Adib baik-baik belaka dan sentiasa ingat akan tiap-tiap pesanan beliau walau di mana-mana mereka berada. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D

### Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15 I Penduduk Kampung Batin membuat *saluran* untuk membekalkan air ke kawasan sawah padi.  
 II *Saluran* radio dan televisyen di kawasan pedalaman itu sering terganggu.  
 III Doktor akan melakukan pembedahan untuk membetulkan *saluran* pernafasannya.  
 IV Sebarang pandangan mengenai sesuatu isu hendaklah dikemukakan melalui *saluran* yang betul.
- A I dan II sahaja  
 B II dan III sahaja  
 C I, II dan IV sahaja  
 D I, III dan IV sahaja
- 16 I Perangai budak lelaki itu benar-benar *menurun* kelakuan bapanya.  
 II Dia *menurun* anak tangga rumahnya sambil menyanyi keriang.  
 III Pengurus muda itu bimbang akan prestasi syarikatnya yang semakin *menurun*.  
 IV Pelaut itu *menurun* layar kapalnya tatkala menghampiri daratan.
- A I dan II sahaja  
 B I dan III sahaja  
 C I, II dan IV sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

- 17 I Kain baju yang belum bercuci *berlonggok-longgok* di dapur.  
II Kenderaan yang rosak ditinggalkan *berlonggok-longgok* di bengkel itu.  
III Beberapa orang pekerja kilang duduk *berlonggok-longgok* di atas bangunan itu.  
IV Orang ramai *berlonggok-longgok* mengunjungi pesta air yang diadakan itu.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 18 - 21**

*Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.*

- 18 Dia mengangguk-angguk kepala berkali-kali bila ditegur oleh gurunya.
- A mengangguk-angguk kepala berkali-kali apabila  
B mengangguk-anggukkan berkali-kali kepala bila  
C menganggukkan kepala berkali-kali apabila  
D mengangguk-anggukkan kepala berkali-kali bila
- 19 Ramesh bekerja di mini estet yang terletak antara hutan dengan Kampung Pinang.
- A di estet mini yang terletak antara  
B di estet mini yang terletak di antara  
C di mini estet yang terletak di antara  
D di mini estet yang terletak antara
- 20 Mesyuarat guru besar-guru besar sedang dilangsung di bilik mesyuarat.
- A guru besar sedang berlangsung  
B guru besar-guru besar sedang berlangsung  
C guru-guru besar sedang dilangsungkan  
D guru besar-guru besar sedang dilangsung
- 21 Kenderaan yang lalu di lebuh raya mesti mematuhi had laju yang ditetapkan.
- A melalui di lebuh raya  
B melalui di lebuhraya  
C lalu di lebuhraya  
D lalu di lebuh raya

## Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan puisi tradisional Melayu seperti pantun dan syair tidak pupus ditelan zaman.**
- A Pantun dan syair tradisional Melayu perlu dipelihara oleh kerajaan supaya tidak pupus ditelan zaman.
  - B Untuk memastikan pantun dan syair tidak pupus banyak usaha dilakukan sepanjang zaman oleh kerajaan.
  - C Puisi tradisional Melayu seperti pantun dan syair perlu dipastikan oleh kerajaan supaya usaha ini tidak ditelan zaman.
  - D Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk memastikan puisi tradisional Melayu seperti pantun dan syair tidak hilang ditelan zaman.
- 23 **Kemudahan internet tanpa wayar telah diperluas ke kawasan pedalaman bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di samping merapatkan jurang digital dengan penduduk bandar.**
- A Jurang digital penduduk bandar dan kemudahan internet tanpa wayar telah diperluas ke kawasan pedalaman.
  - B Kawasan pedalaman telah diberikan kemudahan internet tanpa wayar bagi mengurangkan jurang digital dengan penduduk bandar.
  - C Merapatkan jurang digital dengan penduduk bandar dan memberikan kemudahan kepada penduduk antara matlamat memperluas internet tanpa wayar ke pedalaman.
  - D Penduduk bandar dan luar bandar telah diberikan kemudahan internet tanpa wayar bagi kemudahan mereka.
- 24 **“Sisa kumbahan boleh merosakkan alam sekitar dan boleh menjejaskan kesihatan penduduk jika tidak diurus dengan baik,” kata Menteri Tenaga, Teknologi dan Air.**
- A Menteri Tenaga, Teknologi dan Air menyeru penduduk supaya menguruskan sisa kumbahan dengan baik bagi mengelakkan alam sekitar dan kesihatan daripada terjejas.
  - B Menteri Tenaga, Teknologi dan Air menyatakan bahawa sisa kumbahan boleh menjejaskan kesihatan dan memusnahkan alam sekitar sekiranya tidak diurus dengan betul.
  - C Menteri Tenaga, Teknologi dan Air menyarankan penduduk supaya membuang sisa kumbahan yang boleh merosakkan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan kita.
  - D Menteri Tenaga, Teknologi dan Air menggalakkan penggunaan sistem kumbahan yang sistematik bagi mengelakkan kerosakan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan penduduk.

**Soalan 25 – 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25
- I Adat ketimuran sudah dilupakan oleh sesetengah pelajar yang terlalu kebaratan.
  - II Setiap warganegara Malaysia perlu memupuk rasa cintakan negara.
  - III Kolej penginapan siswi yang baru mendaftar itu tidak jauh daripada universiti.
  - IV Pengurus projek perumahan terbesar di pantai timur itu siapa?
- A I dan IV sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D I, III dan IV sahaja
- 26
- I Jamal bukan pandai sangat dalam mata pelajaran Matematik.
  - II Mukanya memucat setelah mendengar berita kemalangan negeri itu.
  - III Kereta kesayangan ayah kami telah baiki seminggu yang lalu.
  - IV Tidak terbeli oleh adik baju yang mahal itu dengan wang yang ada.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C II dan IV sahaja  
D III dan IV sahaja
- 27
- I Emak menjahitkan ayah sepasang baju Melayu untuk dipakai pada hari raya.
  - II Burung layang-layang yang berterbangan di udara menarik perhatian kami.
  - III Kertas-kertas di atas meja berselerakan apabila ditiup angin kencang.
  - IV Peluasan kuasa empayar kerajaan Melaka memuncak pada era pemerintahan Sultan Mansor Syah.
- A I dan IV sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 28 – 30**

Pilih *peribahasa* atau *maksud peribahasa yang paling sesuai* bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- 28 Sangat menyedihkan apabila pelumba Grand Prix Formula Satu Malaysia yang dikenali ramai sebagai seorang pelumba yang bersopan dan peramah itu telah mengeluarkan kata-kata kesat kepada penganjur menyebabkan kebanyakan pelumba lain menjauhkan diri daripadanya.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A di mana ada gula, di situ ada semut.
- B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- C bumi mana yang tidak ditimpa hujan.
- D mana ada buluh tidak berbuku.

29

Malam-malam memasang pelita,  
Pelita dipasang di atas peti;  
Pandangan kita berbeza-beza,  
Namun keputusan jua dinanti.

Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan maksud pantun di atas ialah

- A air dicencang tidak akan putus.
- B bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.
- C telur sesangkar, pecah satu pecah semuanya.
- D air yang dingin juga dapat memadamkan api.

- 30 Peribahasa *hilang di mata, di hati jangan* membawa maksud

- A walau terpisah tetapi kekasih tetap di hati.
- B walaupun mata buta tetapi hati tetap terang.
- C walaupun jauh namun kasih terus tersemat di jiwa.
- D walaupun tidak nampak, hubungan diteruskan.

**Soalan 31 - 35**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudiannya jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Sang Ratu menerima itu dengan sukacita dan telah mengetahui bahawa bingkisan itu berisi anak-anakan. Pada masa itu bertitahlah Sang Ratu kepada Galuh Ajeng, "Ya, anakku Galuh Ajeng, pilihlah sebuah di antara kedua anak-anakan kiriman dari negeri Kuripan, tanda Raden Inu Kertapati.

Paduka Liku pun bersuka hatilah. Galuh Ajeng pun lalu memilih anak-anakan yang lebih baik bungkusannya, iaitu dari sutera dewangga, itulah yang diambilnya. Yang bungkusannya dari kain buruk dan sisa pilihan itu lalu diberikan oleh Galuh Ajeng pada Galuh Cendera Kirana. Dibawa oranglah ke istana Galuh Cendera Kirana.

Cendera Kirana setelah melihat kiriman sisa pilihan itu, lalu ia menundukkan kepalanya dan tiada berkata suatu apa, melainkan bertitik air matanya kerana teringat untung dan nasib dirinya serta berfikir: "Sisa pilihan baru dibawa ke mari dan bungkusannya dari kain yang amat buruk serta ikatannya pun dari tali kain hitam."

Mahadewi pun belas kasihan memandang hal anakanda Cendera Kirana itu, lalu berkata, "Ambillah tuan barang yang tiada dengan sepertinya ini. Janganlah anakku tolakkan."

Mahadewi pun membujuk Galuh Cendera Kirana itu dengan perkataan yang amat merdu lagi lemah lembut.

Perkataan Mahadewi itu seperti perkataan yang dikatakan oleh ibunya sendiri. Dari sebab sangat takut pada orang tua dan dari sebab mendengar kata, lalu diturutnya akan perkataan Mahadewi itu, kerana itulah yang menjadi ganti ibunya yang sudah meninggal dunia.

Diambilnya akan bungkusannya itu dan disambutnya lalu dibukanya. Dilihatnya di dalam bungkusannya yang amat hina dan buruk itu suatu barang yang amat mulia, iaitu anak-anakan kencana yang bermata berlian dan amat indah rupanya.

(Dipetik daripada prosa tradisional Patung Kencana dari Kuripan, antologi Anak Bumi Tercinta, Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

**31** Galuh Cendera Kirana menangis kerana

- A tidak dijemput ke istana Paduka Liku.
- B tidak boleh memilih pemberian Raden Inu Kertapati.
- C ayahandanya hanya menyayangi Galuh Ajeng.
- D mengenangkan ibunya yang sudah meninggal dunia.

**32** Bagaimanakah Mahadewi menenangkan hati Galuh Cendera Kirana?

- A Memberikan nasihat dengan berhemah.
- B Menunjukkan belas kasihan akan nasib Galuh Cendera Kirana.
- C Berlagak seperti ibu Galuh Cendera Kirana.
- D Menyuruh Galuh menukarkan bingkisan yang diperoleh.

- 33 Berikut ialah sikap yang ditunjukkan oleh Raden Galuh Cendera Kirana berdasarkan petikan, **kecuali**
- A penyabar
  - B mendengar nasihat
  - C mudah tersentuh
  - D mudah berputus asa
- 34 Antara yang berikut, manakah **bukan** pengajaran berdasarkan petikan prosa tradisional di atas?
- A **Janganlah mudah menyerah kalah untuk mendapat hak kita.**
  - B **Janganlah bersikap dengki dan iri hati terhadap orang lain.**
  - C **Janganlah berlaku tidak adil terhadap orang yang lemah.**
  - D **Janganlah terlalu mudah membuat sesuatu pilihan.**
- 35 Apakah tema prosa tradisional Patung Kencana dari Kuripan?
- A Bertimbang rasa terhadap orang-orang yang teraniaya.
  - B Perbuatan pilih kasih seorang ibu tiri terhadap anak tirinya.
  - C Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak.
  - D Kebijakan dalam meleraikan masalah dalam keluarga.

## Soalan 36 – 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Seuntai Kata untuk Dirasa**

A. Samad Said

Panas usah membakar dada  
suara usah menggegarkan sahaja  
kalau benar membawa cita  
di dalam senyap kumpulkan tenaga.

Ayam bertelur sekampung tahu  
mengapa mesti kita begitu?  
falsafah ubi diam berisi  
mengapa tidak kita turuti?

Sekarang singkirkan semua bicara  
sekarang kumpulkan tenaga raksasa  
tiba saat berbunga merah  
serentak mara kita bersama.

(Dipetik daripada sajak Seuntai Kata untuk Dirasa, antologi *Seuntai Kata Untuk Dirasa*, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 36 Apakah seruan penyajak dalam rangkap pertama kepada pembaca?
- A Bersuara dengan lantang menegakkan kebenaran.
  - B Memupuk semangat bersaing dalam mencapai cita-cita.
  - C Mengumpulkan tenaga sejati untuk mencapai cita-cita.
  - D Berusaha dengan gigih untuk mencapai cita-cita yang tinggi.
- 37 *Falsafah ubi diam berisi* bermaksud
- A diam orang yang pandai sebenarnya berilmu.
  - B ilmu pengetahuan yang lama tidak digunakan.
  - C orang yang lama menetap di suatu tempat.
  - D orang yang pendiam sebenarnya berani.
- 38 Nada sajak Seuntai Kata Untuk Dirasa ialah
- A patriotik
  - B protes
  - C sinis
  - D romantik

39

Sekarang singkirkan semua bicara  
sekarang kumpulkan tenaga raksasa

Unsur bahasa dalam baris di atas ialah

- A epifora
  - B anafora
  - C aliterasi
  - D asonansi
- 40 Apakah nilai yang terdapat dalam sajak ini?

- A Keikhlasan
- B Bertanggungjawab
- C Kesyukuran
- D Berfikiran positif

**KERTAS SOALAN TAMAT**